



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN EKONOMI**

**MEMPERKASA TRANSFORMASI DIGITAL DI MALAYSIA: LANGKAH STRATEGIK DAN INISIATIF PEMODENAN**

Kerajaan telah memutuskan untuk membina kapasiti MAMPU sebagai agensi kerajaan yang akan menjadi peneraju transformasi digital negara pada Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang lepas.

Keputusan ini menandakan komitmen serius kerajaan dalam memastikan bahawa Malaysia tidak hanya siap menghadapi era digital, tetapi juga berada di barisan hadapan sebagai pemimpin dalam inovasi teknologi. Kerajaan akan membentuk asas yang kukuh untuk kemajuan teknologi, mempercepatkan perkembangan ekonomi digital, dan meningkatkan kualiti hidup rakyatnya melalui perkhidmatan digital yang canggih dan inklusif.

Sebuah kertas konsep untuk GOVTECH akan dibentangkan di mesyuarat MTEN yang akan datang pada bulan Disember. Kertas ini akan menggariskan inisiatif strategik dan penyelesaian teknologi inovatif yang dicadangkan oleh GOVTECH untuk meningkatkan perkhidmatan sektor awam.

Fokusnya adalah pada memanfaatkan teknologi terkini untuk memperkemas operasi kerajaan, meningkatkan kecekapan, dan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada orang awam. Pembentangan ini merupakan langkah kritikal dalam mengintegrasikan teknologi ke dalam proses kerajaan, yang melambangkan komitmen terhadap transformasi digital dan pemodenan dalam sektor awam.

GOVTECH bertujuan untuk merevolusikan perkhidmatan sektor awam dengan mengintegrasikan operasi kerajaan ke dalam satu platform digital yang serba lengkap dan berkesan. Inisiatif ini berpusat pada penciptaan ekosistem digital yang saling berhubung, membolehkan rakyat mengakses pelbagai perkhidmatan kerajaan dengan mudah dan cekap. Dengan memanfaatkan data dan analitik, GOVTECH berusaha untuk menggerakkan tadbir urus yang lebih bermaklumat, tanggap, dan berkesan.

Pendekatan ini melibatkan penggunaan strategik data besar untuk lebih memahami keperluan rakyat, meramalkan trend, dan membuat keputusan berdasarkan bukti. Penggabungan analitik canggih akan memungkinkan penyampaian perkhidmatan yang lebih tertumpu dan cekap, memastikan tindakan kerajaan sentiasa selaras dengan keperluan rakyat yang berkembang. Transformasi digital ini menandakan perubahan besar ke arah sektor awam yang lebih moden, mesra pengguna, dan didorong oleh data.

Usaha-usaha ini semua adalah sebahagian daripada perancangan teliti kerajaan untuk mengalih arah negara menuju kemajuan teknologi. Dengan melaksanakan reformasi digital secara berperingkat, negara akan dapat memaksimumkan hasil kesan bersih ini.

Penubuhan PADU sebagai hab pangkalan data pusat kerajaan adalah langkah pertama untuk mengukuhkan peralihan ini. Mengintegrasikan platform seperti ini adalah kritikal untuk memastikan pembuatan keputusan dan tadbir urus yang berdasarkan data dilaksanakan di seluruh sektor awam.

Ia membentuk asas untuk langkah-langkah penting seperti pembentangan Akta Omnibus. Dengan mewajibkan perkongsian data yang lebih besar antara kementerian dan agensi, kerajaan akan dapat memaksimumkan kecekapan dan potensi menyeluruh PADU.

Tahap keterperincian ini adalah penting untuk mengkaji semula peranan Teknologi Maklumat (IT) dan proses pelaksanaan digital. Seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri dalam mesyuarat MTEN yang terbaru, pusatkan projek IT dan penentuan

spesifikasi yang lebih baik akan membantu mengawal kos, mengurangkan redundansi dan penggandaan.

Walau bagaimanapun, sejauh mana transformasi digital, pemimpin memerlukan kemahiran yang diperlukan untuk memahami kompleksiti usaha ini. Inilah sebabnya pembinaan kepimpinan digital Malaysia adalah penting. Hanya dengan perkhidmatan awam yang cekap digital dan lincah, kerajaan dapat berjaya memulakan peralihan ini.

Untuk tujuan itu, kohort pertama Program Kepimpinan Digital Eksekutif (*Executive Digital Leadership Programme*) (“EDL”) dilancarkan awal minggu ini pada 14 November 2023.

Kohort pertama ini terdiri daripada 55 peserta, dengan 35 daripada mereka datang dari sektor awam dan 20 lagi dari sektor swasta, melebihi sasaran awal 50 peserta.

Pengambilan program seperti EDL secara konsisten akan memastikan generasi yang berikutnya akan memiliki kemampuan untuk membawa Malaysia maju ke era kemajuan teknologi seterusnya.

**RAFIKI RAMLI**  
**17 NOVEMBER 2023**